

BELUM ADA KES PELANGGARAN SKIM HARGA MAKSIMUM DI SABAH – PENGARAH KPDNHEP

May 21, 2020



Oleh **SURAIDAH ROSLAN**

KOTA KINABALU: Sejak dilancarkan semalam, belum ada sebarang kes melanggar peraturan di bawah Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Hari Raya Aidilfitri dilaporkan di Sabah.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Sabah, Georgie Abas berkata, diharap tiada peniaga yang melanggar peraturan ditetapkan di bawah skim berkenaan yang berkuatkuasa bermula 20 Mei sehingga 3 Jun ini.

Beliau berkata, kakitangan bahagian penguatkuasaan KPDNHEP sentiasa melakukan pemantauan di lapangan dan laporan akan dimaklumkan kepada pihak kementerian berkaitan setiap hari.

Menurutnya, jika dilihat pada tahun lalu, di bawah Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) bagi perayaan Tahun Baharu Cina, Hari Raya Aidilfitri, Pesta Kaamatan, Deepavali dan Krismas, sebanyak 56 kes direkodkan kerana melanggar peraturan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

Georgie berkata, hampir kesemua kes itu melakukan kesalahan gagal mempamerkan tanda harga warna merah jambu (pink) bagi setiap barangan terkawal yang ditentukan mengikut musim-musim perayaan.



“Daripada 56 kes itu, ia melibatkan jumlah rampasan sebanyak RM4,434.90 dengan kompaun sebanyak RM7,800.

“Jika kesalahan yang dilakukan menjual melebihi harga maksimum, denda dan nilai kompaun yang dikenakan jauh lebih tinggi,” katanya ketika ditemui semasa Majlis Pelancara Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Hari Raya Aidilfitri dan Pesta Kaamatan 2020, di sini hari ini.

Bagi kesalahan gagal meletakkan tanda harga merah jambu bagi barangan terkawal, seseorang individu boleh didenda RM10,000 atau kompaun RM5,000 manakala, syarikat pula boleh didenda sehingga RM20,000 atau kompaun sehingga RM10,000.

Manakala, untuk kesalahan menjual barangan melebihi harga maksimum pula, seorang individu boleh dikenakan denda maksimum RM 10,000 atau penjara tidak lebih tiga tahun atau kompaun sehingga RM50,000.

Untuk syarikat pula, mereka boleh didenda sehingga RM500,000 atau kompaun sehingga RM25,000.

<https://www.borneotoday.net/belum-ada-kes-pelanggaran-skim-harga-maksimum-di-sabah-pengarah-kpdnhep/>